

25 APR 2003

Zainuddin-Economist

LAPORAN "THE ECONOMIST" TAK HAKIS KEYAKINAN RAKYAT TERHADAP DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 25 April (Bernama) -- Rencana majalah Britain, "The Economist", yang mengkritik keras Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, merupakan kesinambungan agenda barat untuk mencemarkan nama baik Perdana Menteri tetapi itu tidak akan menghakis keyakinan rakyat Malaysia terhadap kepimpinan beliau, kata Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Zainuddin Maidin hari ini.

Beliau memberitahu Bernama bahawa tindakan majalah yang berpejabat di London itu memburuk-burukkan Perdana Menteri dalam keluaran 5 April lepas, adalah sebahagian dendam media barat yang tidak berakhir terhadap Dr Mahathir kerana beliau telah mematahkan anasir kuasa asing dalam bidang politik dan ekonomi negara ini.

Katanya, serangan majalah 'The Economist', yang terkenal sebagai suara British paling berpengaruh di dunia, merupakan sebahagian daripada kerangka indoktrin barat untuk memburukkan pemimpin-pemimpin dunia ketiga yang menyekat kemaraan globalisasi dalam bentuk penjajahan baru.

"Malangnya di Malaysia golongan yang dulunya menentang imperialisme dan kapitalisme sekarang menjadi sebahagian dari mekanisme barat secara sedar atau tanpa sedar kepada usaha ini," katanya.

Selain mematahkan sayap kuasa asing di negara ini yang telah menyusup masuk ke dalam Umno, Dr Mahathir juga telah berjaya menghalang percubaan Tabung Kewangan Antarabangsa untuk menguasai ekonomi "dengan wajah yang manis", katanya. Zainuddin berkata laporan majalah itu merupakan langkah terbaru mereka menuntut supaya Dr Mahathir meletak jawatan serta merta walaupun beliau telah mengumumkan untuk berbuat demikian pada Oktober ini.

"Ini adalah oleh kerana ramalan mereka Dr Mahathir akan terus berkuasa ternyata meleset, dan mereka juga menggambarkan bahawa solah-olah Dr Mahathir tidak dikehendaki sekarang.

"Mereka juga cuba untuk memberi gambaran seolah-olah ada desakan daripada dalam parti sendiri untuk Dr Mahathir berbuat demikian yang tujuannya adalah untuk melaga-lagakan Dr Mahathir dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi," katanya.

Abdullah semalam berkata tiada siapa termasuk media Barat yang dapat menidakkan hakikat tentang kemajuan dan kejayaan yang telah dicapai oleh Malaysia di bawah kepimpinan Dr Mahathir.

Zainuddin berkata malangnya terdapat golongan politik di negara ini yang gagal melihat percaturan jahat itu untuk memecahkan perpaduan rakyat dan kestabilan negara.

-- BERNAMA
AZZ AZZ MAI